

**BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SYARAT / PERATURAN PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN
PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. Calon yang ingin memohon semakan semula keputusan peperiksaan hendaklah melengkapkan borang Permohonan Semak Semula Keputusan Peperiksaan **BMKPM/SS/PSPM** yang boleh diperolehi di kolej, di pejabat Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya atau melayari laman web di alamat <http://www.moe.gov.my/v/BM>.
2. Permohonan Semak Semula Keputusan Peperiksaan **BMKPM/SS/PSPM** perlu diisi dalam **dua (2) salinan**.
3. Permohonan semak semula adalah bagi keputusan peperiksaan **Semester II (PST) dan Semester II & IV (PDT) Sesi 2015/2016 sahaja**.
4. Setiap mata pelajaran yang disemak semula dikenakan bayaran. Kadar bayarannya adalah seperti yang tertera pada borang permohonan semak semula keputusan peperiksaan **BMKPM/SS/PSPM**.
5. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos** atau **Bank Draf** sahaja atas nama **Pengarah Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia**. Bayaran dalam bentuk tunai atau cek peribadi **tidak akan diterima**. Sila ambil maklum bahawa Wang Pos / Bank Draf mempunyai tempoh sah laku terhad kepada **dua (2) bulan sahaja** dari tarikh ia dikeluarkan.
6. Borang permohonan ini (selain calon PDT Semester II) hendaklah dihantar terus ke alamat:

Pengarah
Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.
(u.p. Penyelaras Semak Semula Keputusan)

Borang permohonan bagi calon **PDT Semester II** hendaklah dihantar ke Bahagian Matrikulasi **melalui kolej masing-masing**. Borang ini hendaklah sampai ke Bahagian Matrikulasi dalam tempoh **dua (2) minggu** (termasuk cuti umum dan cuti hujung minggu) selepas keputusan diumumkan.

7. Pengesahan penerimaan permohonan yang diterima dan diproses akan dimaklumkan melalui **email** pemohon yang disertakan.
8. Borang permohonan yang tidak lengkap (maklumat tidak lengkap/bayaran tidak mencukupi/bayaran luput) **tidak akan diproses** dan akan dikembalikan semula kepada pemohon.
9. Sebarang permohonan selepas daripada tarikh tutup **tidak akan dilayan**.
10. Keputusan semakan semula akan diumumkan melalui pos dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja selepas keputusan rasmi PSPM dikeluarkan**.
11. Keputusan semakan semula yang diumumkan adalah **muktamad**.

**BORANG PERMOHONAN SEMAK SEMULA
PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM)
PROGRAM MATRIKULASI DUA TAHUN (PDT)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Catatan:

1. Diisi dalam 2 salinan.
2. Sila kokotkan Wang Pos/ Bank Draf yang mencukupi bersama-sama borang permohonan ini.

NAMA PENUH : _____

KOLEJ : _____ NO. KAD PENGENALAN : _____

NO. MATRIK : _____ NO. TELEFON : _____

E-MAIL : _____

ALAMAT SURAT-MENYURAT :

Tandakan (√) pada mata pelajaran yang ingin disemak semula:

BIL	MATA PELAJARAN	KOD	RM	√	CATATKAN GRED YANG DIPEROLEHI
1	Matematik		50		
2	Kimia		50		
3	Fizik		50		
4	Biologi		50		
5	Sains Komputer		50		
6	Bahasa Inggeris		50		

JUMLAH BAYARAN (Ringgit Malaysia) : _____

NOMBOR WANG POS/BANK DRAF : _____

(Atas nama Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia)

TARIKH : _____

TANDATANGAN : _____